

D.R. 13/98

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Industri Pelancongan 1992.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Industri Pelancongan (Pindaan) 1998.

Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Akta Industri Pelancongan 1992, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 16 dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

Pindaan seksyen 16. Akta 482.

"(3) Bagi semua pakej pelancongan ke luar negeri, pengendali pelancongan berlesen hendaklah—

(a) membeli polisi insurans; atau

(b) menyebabkan bayaran deposit dalam bentuk wang tunai atau jaminan bank dibuat kepada Pesuruhjaya,

mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang diarahkan oleh Pesuruhjaya."

Pindaan
seksyen 34.

3. Subseksyen 34(2) Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

"(ca) pembelian polisi insurans, oleh pengendali pelancongan berlesen, atau pembuatan deposit dalam bentuk wang tunai atau jaminan bank kepada Pesuruhjaya;"

(b) dengan menggantikan perkataan "kelayakan pengajar-pengajarnya," dalam perenggan (f) dengan perkataan "pemberian permit oleh Pesuruhjaya bagi pensyarah dan pengajar, kelayakan pensyarah dan pengajar,"; dan

(c) dengan memasukkan selepas perkataan "yang hendaklah disenggarakan oleh mereka" dalam perenggan (i) perkataan "dan pemberian pengecualian oleh Pesuruhjaya kepada mana-mana pengusahaan pelancongan atau pemandu pelancong daripada apa-apa kehendak yang dikenakan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan ini".

Pindaan
seksyen 25.

4. Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "dua belas bulan" dengan perkataan "tidak melebihi tiga tahun".

Pindaan
seksyen 40.

5. Subseksyen 40(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "atau pegawai Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Industri Pelancongan 1992 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 16(3) dan 16(4) ke dalam Akta bagi memperuntukkan bahawa pengendali pelancongan berlesen hendaklah sama ada membeli polisi insurans

atau membuat deposit dalam bentuk wang tunai atau jaminan bank sebagaimana yang diarahkan oleh Pesuruhjaya bagi semua pakej pelancongan ke luar negeri untuk raembolehkan pengendali pelancongan berlesen itu membayar pampasan dan melindungi pelancong ke luar negeri andainya mereka terkandas di luar negeri jika pengendali pelancongan berlesen itu menghadapi apa-apa masalah. Deposit itu hendaklah dibuat kepada Pesuruhjaya.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 34(2) Akta dengan memasukkan perenggan baru (*ca*) untuk membolehkan Menteri membuat peraturan-peraturan berkaitan dengan pembelian polisi insurans oleh pengendali pelancongan berlesen atau pembuatan deposit dalam bentuk wang tunai atau jaminan bank yang dibuat oleh pengendali pelancongan berlesen kepada Pesuruhjaya. *Perenggan 3(b)* bertujuan untuk meminda perenggan 34(2)(f) Akta untuk membolehkan Pesuruhjaya memberikan permit kepada pensyarah dan pengajar institusi latihan pelancongan berlesen. *Perenggan 3(c)* bertujuan meminda perenggan 34(2)(i) Akta untuk membolehkan Pesuruhjaya memberikan pengecualian kepada pengusahaan pelancongan berlesen atau pemandu pelancong daripada apa-apa kehendak yang dikenakan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 34(2)(i).

4. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelanjutan tempoh kesahan lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian IV Akta.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 40 Akta bagi memperuntukkan bahawa kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini hendaklah dijalankan oleh pegawai awam dalam Kementerian yang bertanggungjawab tentang pelancongan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1980.]